

Ruj. Kami : MQA.600-2/14/142 ( 15 )

Tarikh : 26 Jun 2023

YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)  
Aras 8, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 23, Jalan Tuanku Abdul Rahman  
Persint 3  
**62100 PUTRA JAYA**

PEJABAT KETUA PENGARAH	
TKP (D)	PERHATIAN
TKP (O)	TINDAKAN
TKP (P)	SILA TELITI
PUU	SILA HADIR
KU(UKK)	PENCANG
KU(UU)	REBAHAN
PK	MAKLUMAN
	FAILKAN
17/7	
TARIKH	KETUA PENGARAH

YBhg. Datuk,

**PERMOHONAN AKREDITASI PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI DARIPADA  
DARUL QURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi (MPT) MQA Bil. 9/2023 bertarikh 31 Mei 2023 telah meneliti dan berpuas hati dengan bukti sifat kuasa yang dikemukakan oleh Darul Quran, JAKIM dalam menawarkan dan menganugerahkan program Sijil (Tahap 3), Diploma (Tahap 4), Diploma Lanjutan (Tahap 5), Sijil/Diploma Siswazah (Tahap 6) serta Sijil/Diploma Pasca Siswazah (Tahap 7).

3. Sehubungan itu, pihak Darul Quran boleh mengemukakan permohonan penilaian Akreditasi Sementara dan seterusnya Akreditasi Penuh bagi program-program yang ditawarkan pada tahap yang dinyatakan di perkara 2 di atas. Pihak Darul Quran boleh merujuk kepada Portal MQA untuk **Jadual Permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh** bagi tujuan penghantaran dokumen.

4. Permohonan penilaian Akreditasi MQA hendaklah disertakan bersekali dengan bukti kelulusan sesuatu penawaran program seperti minit mesyuarat tertinggi atau surat kelulusan penawaran program dari Jabatan/Kementerian.

5. Sekiranya Darul Quran berhasrat menawarkan program ijazah sarjana muda, ijazah sarjana atau ijazah kedoktoran, perkara tersebut perlu dirujuk dengan Kementerian Pendidikan Tinggi.

6. Untuk makluman YBhg Datuk juga, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) mentafsirkan bahawa "akreditasi" ertinya suatu pengiktirafan yang diberikan oleh Agensi selepas **memeriksa dan menilai sesuatu program atau kelayakan pendidikan tinggi**.



7. Semoga maklum balas ini dapat membantu pihak YBhg Datuk dalam urusan berkaitan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”  
“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**

---